

15 OCT 1999

BN-Sri Lanka

MASYARAKAT TAMIL SRI LANKA AKAN SOKONG BARISAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Kongres Masyarakat Tamil Sri Lanka Malaysia (MCC) hari ini menyeru setiap anggota masyarakat Tamil Sri Lanka di negara ini untuk terus menyokong Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang.

Presiden MCC, Dr D.M. Thuraiappah berkata, BN satu-satunya perikatan yang boleh memerintah negara ini dan telah membuktikan kepada rakyat dan dunia yang kerjasama antara masyarakat satu-satunya cara ke hadapan.

"Dalam memasuki alaf baru, satu barisan bersatu akan menjanjikan kehidupan yang aman dan harmoni di Malaysia," kata beliau kepada BERNAMA di sini, hari ini.

Dr Thuraiappah berkata, terdapat lebih kurang 50,000 orang Tamil Sri Lanka di negara ini.

Beliau berkata, MCC yang dibentuk pada 1958 mempunyai keyakinan penuh pada kepimpinan Dr Mahathir dan akan membantu memastikan kerajaan sekarang terus berkuasa selepas pilihan raya nanti.

"Secara tradisi, rakyat Malaysia mahukan keamanan dan akan berbuat apa sahaja bagi sebuah kerajaan yang stabil. Adalah mudah untuk menyalahkan sesuatu...tetapi kita rasa hanya BN yang boleh menggalakkan kestabilan," kata beliau sebagai mengulas kritikan dan demonstrasi terhadap kerajaan.

Beliau berkata, daripada sejumlah 50,000 masyarakat Tamil Sri Lanka di negara ini, hanya sebahagian kecil yang telah menyertai parti pembangkang khasnya Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

"Kami telah mengarahkan kesemua 20 cawangan MCC di seluruh negara untuk menghulurkan segala bantuan yang mungkin bagi calon-calon BN di kawasan mereka," katanya.

Dr Thuraiappah berkata, walaupun permohonan parti itu untuk menyertai BN belum menerima jawapan positif, ia bersedia menghantar anggota-anggotanya berkempen bagi BN di peringkat akar umbi.

Beliau berkata, MCC telah memaklumkan kepada Setiausaha Agung BN Datuk Mohamad Rahmat mengenai sokongan MCC dan kesediaannya untuk membantu semasa kempen pilihan raya.

-- BERNAMA

AR PR